

TARIKH	8 / 2 / 2013	SEKSYEN	Dim Negeri
MUKA SURAT	10	RUANGAN	Bisik - Bisik

≥ BISIK-BISIK

AWANG ucapkan syabas kepada pengurusan Tabung Haji (TH). Terbukti menyimpan wang dalam TH amat-amat berbaloi.

Awang bersyukur dalam usia Tabung Haji menjangkau 50 tahun, 8.2 juta penyimpannya akan mendapat bonus tahunan sebanyak lapan peratus.

Agihan ini merangkumi bonus tahunan sebanyak 6.5 peratus dan bonus khas sempena sambutan Jubli Emas penubuhan TH sebanyak 1.5 peratus.

Selepas Bank Rakyat dan Permodalan Nasional Berhad, TH antara institusi dana yang diuruskan oleh anak Melayu dan Islam hingga berjaya membayar bonus tahunan yang tinggi kepada penyimpannya berbanding institusi kewangan lain sama ada bank konvensional atau pun perbankan Islam.

Awang percaya masyarakat Islam Malaysia amat yakin dengan langkah-langkah pengurusan TH dalam mengawal kedudukan kewangannya supaya positif dan kukuh dalam ketidaktentuan suasana ekonomi dunia.

TH membuktikan kejayaan agensi pengurusan Islam dalam mengumpulkan aset bernilai berbilion ringgit melalui pelaburan yang cekap dalam sektor pasaran dana, perladangan, hartanah, dan sebagainya hingga menjadikannya institusi gergasi yang kukuh dan berdaya saing.

Awang yakin sebagai sebuah institusi kewangan Islam diurus 100 peratus masyarakat Islam dengan kekuatan dana lebih RM35 bilion serta lebih 8.2 juta penyimpan, tahun-tahun akan datang diharap TH terus mampu memberi sumbangan besar demi manfaat umat Islam di negara ini.

Awang - Tunggu giliran naik haji.

Awang Selamat